



SIARAN MEDIA

'100 TAHUN SINEMA MALAYSIA' : MARTABAT SEJARAH DAN WARISAN PROFILEMAN NEGARA

KUALA LUMPUR, 26 Jun 2023 – YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara telah hadir bagi menyaksikan pameran serta menyantuni dan beramah mesra dengan karyawan dan penggiat seni tanah air negara sempena Pameran 100 Tahun Sinema Malaysia. Program anjuran Kementerian Perpaduan Negara melalui Jabatan Muzium Malaysia ini diadakan bertujuan **mengangkat martabat dan meraikan sejarah profileman negara yang telah pun bermula sejak awal tahun 1930an**. Pameran ini akan **berlangsung selama dua (2) bulan** bermula pada 22 Mei 2023 yang lalu.

'100 Tahun Sinema Malaysia' merupakan tema yang diangkat bersempena dengan sambutan **ulang tahun ke-100 Industri Profileman Negara** pada tahun ini. Pameran ini bukan sahaja menyentuh tentang aspek sejarah perkembangan profileman negara, tetapi turut memaparkan penggunaan teknologi profileman, tokoh-tokoh atau individu yang terlibat dalam profileman negara sama ada pengarah, penerbit, seniman atau seniwati terdiri daripada pelbagai kaum, filem-filem *box office* termasuklah filem yang dianggap 'evergreen' (malar segar) atau diterima sepanjang zaman.

Terdapat **enam (6) segmen utama** yang diketengahkan melalui pameran ini iaitu:-

- i. Sejarah Profileman Dunia;
- ii. Era Keemasan Sinema Malaysia 1952 - 1968;
- iii. Perkembangan Filem Cerek Swasta di Luar Studio;
- iv. Kebangkitan Filem Tempatan Tahun 1980an;
- v. Penubuhan Syarikat Filem Swasta dan Agensi Profileman Negara; dan
- vi. Kemunculan Generasi Pembikin Filem Baharu dan Masa Depan Sinema Negara.

Sebanyak **109 koleksi** berkaitan sinema di Malaysia turut dipamerkan antaranya adalah kerusi pengarahan Tan Sri P. Ramlee dan trofi ‘*Most Versatile*’ yang dimenangi oleh beliau dalam filem Ibu Mertuaku, alat-alat perfileman yang pernah digunakan pada era 1940an, *costume*, poster, koleksi peribadi YBhg. Datuk Aziz Satar, YBhg. Datuk Jamil Sulong dan YBhg. Datuk Hajah Rosnani Jamil serta pelbagai lagi koleksi menarik untuk tontonan masyarakat.

Pameran ini adalah selari dengan **inisiatif ‘Ini Warisan Kita’** yang dibawa oleh Kementerian Perpaduan Negara melalui penyaluran maklumat yang sangat berguna kepada rakyat Malaysia untuk memahami dan meningkatkan kesedaran serta apresiasi terhadap peranan industri perfileman di Malaysia. Ia juga mengajak masyarakat untuk menghargai seni budaya pelbagai bangsa, kaum dan agama di negara ini dan menjadikan **filem sebagai salah satu platform yang boleh memupuk serta menyemarakkan semangat perpaduan dan cinta kepada negara**.

Program ini adalah dengan kerjasama strategik Arkib Negara Malaysia, Perpadanan Kemajuan Filem Nasional (FINAS), SIAR, World Cultural Organization serta pemilik-pemilik koleksi individu seperti YBhg. Datuk Rosnani binti Jamil, Puan Sandakiah binti Aziz, Puan Akma Suriati binti Awang dan YBrs. Dr. Anwardi bin Jamil bagi memeriahkan Pameran 100 Tahun Sinema Malaysia yang sedang berlangsung sehingga 23 Julai 2023 mulai 9.00 pagi hingga 5.00 petang.

Kementerian Perpaduan Negara

26 Jun 2023

Kementerian Perpaduan Negara (KPN) ditubuhkan pada 10 Mac 2020. Fungsi utama Kementerian Perpaduan Negara adalah untuk memacu agenda perpaduan nasional bagi memastikan kesejahteraan dan keharmonian rakyat Malaysia. Terdapat tujuh (7) Jabatan/Agensi Kerajaan di bawah KPN iaitu 1. Jabatan Perpaduan dan Integrasi Nasional (JPNIN), 2. Arkib Negara Malaysia (ANM), 3. Perpustakaan Negara Malaysia (PNM), 4. Jabatan Muzium Malaysia (JMM), 5. Yayasan Sukarelawan Siswa, 6. Yayasan Tunku Abdul Rahman dan 7. Yayasan Tun Razak.

Dikeluarkan oleh:- Unit Komunikasi Korporat
 b.p.: Ketua Setiausaha
 Kementerian Perpaduan Negara
 Tel: +603 8091 8041 | Fax: +603 8888 8568 569
 E-mel: pro@perpaduan.gov.my

No rujukan: KPN.UKK.100-9/1/8 ()